

## NO. SOALAN: 55

telah dikuatkuasakan mulai Januari 2003. Setakat ini, penggunaan garis panduan tersebut dapat memenuhi piawaian (*standard*) siaran RTM.

Semua rancangan RTM yang telah dinilai oleh LPF, dikategorikan mengikut klasifikasi seperti U (Umum), PG13 (*Parental Guidance*, rancangan yang memerlukan pemantauan orang dewasa) dan 18PL (terdapat sedikit unsur seram, ganas dan politik). Rancangan yang mempunyai sedikit unsur ganas akan ditayang selepas jam 10.00 malam.

Rancangan-rancangan yang dikeluarkan oleh stesen penyiaran swasta seperti stesen-stesen televisyen di bawah Media Prima Berhad (MPB) dan stesen penyiar berbayar seperti ASTRO dan ABNXcess hendaklah mengikuti garis panduan yang dikeluarkan oleh beberapa badan yang berkuasa seperti LPF, JAKIM dan dikawalselia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang juga mengeluarkan Garis Panduan Kod Kandungan. Garis panduan ini wajib digunakan bagi memastikan kandungan yang dihasilkan mengikut syarat lesen perkhidmatan aplikasi kandungan yang dikeluarkan oleh SKMM.

Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab produksi stesen televisyen untuk memastikan bahawa kesemua rancangan dan drama tempatan yang disiarkan ditapis terlebih dahulu oleh LPF selaras dengan Akta Penapisan Filem. Selain itu, ia juga turut disaring oleh Unit Kawalan Kandungan di setiap stesen televisyen bagi memastikan hanya kandungan yang bersesuaian disiarkan bagi tontonan.